



1. PSIKOLOGI

KEMENTERIAN KESIHATAN

B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)

KEKOSONGAN=3

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Psikologi atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah kelebihan.

2. Mempunyai keahlian dengan badan-badan Profesional antarabangsa adalah kelebihan.
3. Boleh berkomunikasi secara lisan dan tulisan dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JAWATAN PSIKOLOGI:

1. Bertanggungjawab kepada Ketua Jabatan di Bahagian Psikologi dalam mengendalikan Perkhidmatan Psikologi.
2. Mengendalikan Perkhidmatan Psikologi yang komprehensif dan bersesuaian kepada klien-klien yang memerlukan perkhidmatan.
3. Menyediakan laporan bagi klien-klien yang diberikan perkhidmatan dimana setiap laporan berkenaan hendaklah ditandatangani oleh Ketua Jabatan yang menyelia.
4. Bekerjasama dengan unit-unit dan ahli-ahli profesional yang lain dalam hal-hal yang berpatutan.
5. Bekerjasama dengan Psikologi dan kakitangan lain serta ibu bapa atau penjaga dalam perancangan dan segala perkhidmatan yang diberikan.
6. Sentiasa mengemaskini unit dengan pengetahuan rawatan yang teratur dan terkini.



7. Menghadiri seminar dan latihan di dalam dan di luar negeri jika diperlukan.
8. Melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Kementerian Kesihatan serta Jabatan-Jabatan Kerajaan yang lain.
9. Menyediakan alat-alat yang diperlukan dalam penilaian dan terapi.
10. Membantu dalam beberapa urusan pentadbiran Perkhidmatan Psikologi.
11. Untuk mempertahankan Piawaian Profesional selaras dengan Kod Etika Profesional (*Professional Code of Conduct*) yang ditetapkan oleh ahli atau Badan-Badan Pertubuhan Psikologi Antarabangsa.
12. Sentiasa memelihara kerahsian maklumat pesakit / klien.
13. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.